

NHCCE 2023 bakal himpun 30 tokoh terkenal dunia

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR



Ketua Jabatan Pengiklanan Sinar Harian, Airol Fadley Limin (tiga dari kanan) menerima mock up logo Sinar Harian daripada Sivakumar selaku rakan media rasmi NHCCE 2023 yang akan berlangsung pada 30 dan 31 Oktober ini.

KUALA LUMPUR - Seramai 30 tokoh terkenal dunia dalam bidang modal insan dan pengamal sumber manusia (HR) akan berkumpul di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITTEC) bagi menyajikan National Human Capital Conference and Exhibition (NHCCE) 2023 yang akan berlangsung dari 30 dan 31 Oktober.

Bertemakan 'Menjana Pertumbuhan, Menginspirasi Perubahan' NHCCE diadakan bertujuan membantu organisasi dan pengamal sumber manusia dalam menghadapi cabaran di tempat kerja.

Ketua Eksekutif HRD Corp, Datuk Shahul Dawood berkata, program itu merupakan lanjutan daripada kejayaan NHCCE 2022 yang menerima sambutan menggalakkan daripada peserta-peserta dari rantau Asia Tenggara.

Menurutnya, antara tokon yang akan hadir termasuk Profesor Perniagaan di Ross School of Business, Universiti Michigan, Frank Furness yang mendapat jolokan bapa HR moden.

"Turut terlibat, pengasas dan bekas Presiden Northwest London Speakers Club, Dr Donald H Taylor yang juga Pengurus The Learning and Performance Institute serta beberapa pemimpin industri tempatan," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran NHCCE 2023 di sebuah hotel di sini pada Isnin.

Majlis Pelancaran NHCCE 2023 di-

sempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar.

Selain itu katanya, NHCCE kali ini turut menjemput penulis terkenal dunia berkenaan perubahan manusia, Dr Justin Cohen dan Ghanim Al-Muftah, seorang aktivis penstriman dalam talian berusia 21 tahun dari Qatar yang menjadikan ketidakupayaannya sebagai kisah yang memberi inspirasi kepada ramai orang.

"NHCCE akan membuka jalan kepada wacana baharu dalam pembangunan modal insan, memperkasakan pengamal HR untuk mengambil peranan yang lebih

strategik dalam organisasi masing-masing," ujarnya.

Difahamkan, NHCCE kali ini bakal menghimpunkan kira-kira 10,000 peserta di mana pas standard berharga RM2,500 manakala pas kumpulan boleh didapati dengan harga RM2,250 setiap orang dengan syarat sekurang-kurangnya tiga peserta.

Penjawat awam pula hanya perlu membayar RM1,800 untuk pas kerajaan, sementara pelajar perlu membayar RM500 untuk mendapatkan pas pendaftaran.

Sempena sambutan Hari Malaysia, pihak yang berminat berhak menerima diskon sebanyak lima peratus ke atas semua pas dari 1 hingga 16 September 2023.

nyedakan ruang untuk perbincangan yang merangsang pemikiran tentang trend serta strategi masa depan.

Jelas beliau, langkah pembangunan modal insan yang moden dan inovatif adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi mampar.

"Kami percaya persidangan ini memainkan peranan penting dalam membentuk wacana baharu untuk pembangunan bakat.

"Ini akan meningkatkan Malaysia di persada global dan muncul sebagai hab ekonomi serantau yang kukuh.

"Ia sekali gus memacu pelaburan asing berkualiti yang seterusnya akan menyediakan peluang pekerjaan lebih baik untuk semua rakyat Malaysia," katanya.

Dalam pada itu, HRD Corp memaklumkan pas masuk ke NHCCE 2023 kini juga dibuka untuk pembelian di mana pas standar berharga RM2,500 manakala pas kumpulan boleh didapati dengan harga RM2,250 setiap orang dengan syarat sekurang-kurangnya tiga peserta.

Penjawat awam pula hanya perlu membayar RM1,800 untuk pas kerajaan, sementara pelajar perlu membayar RM500 untuk mendapatkan pas pendaftaran.

Sempena sambutan Hari Malaysia, pihak yang berminat berhak menerima diskon sebanyak lima peratus ke atas semua pas dari 1 hingga 16 September 2023.

TARIKH: 13/9/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 12

Sinar Harian
13/9/23
Msf/2